

BAB

DUA

BAB DUA

BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD (BIMB) : OPERASI SYARIKAT

2.1 Latar belakang penubuhan

Perbankan Islam telah menjelma sebagai satu realiti baru di arena kewangan antarabangsa sejak dekad 1970 an. Namun, falsafah dan prinsip-prinsipnya bukanlah sesuatu yang baru kerana ia telah digariskan di dalam kitab suci al-Quran dan al-Sunnah Nabi Muhammad s.a.w. sejak lebih 1400 tahun lalu. Kemunculan perbankan Islam selalu dikaitkan dengan kebangkitan Islam dan aspirasi umat Islam untuk menghayati keseluruhan ajaran Islam dalam kehidupan mereka²⁵⁷ seterusnya menjauhi urusan riba yang terdapat dalam sistem perbankan konvensional.

Isu perbankan Islam telah mula diperbincangkan oleh para sarjana Islam sejak tahun 1945.²⁵⁸ Namun, pada tahun 1960 an sebuah bank tanpa riba telah wujud hasil usaha para sarjana Islam seperti Abdullah al-Araby, Baqir al-Sadr, M.N.Siddiqi dan Ahmad El-Nagar.²⁵⁹ Sebagai percubaan, bank Islam pertama telah dilancarkan pada tahun 1963 di Mit Ghamr, Mesir. Bank ini diketuai oleh Ahmad El-Nagar dan bertahan sehingga tahun 1967 sahaja. Walaupun kewujudan bank tersebut tidak lama,

²⁵⁷ Jabatan Ekonomi Bank Negara Malaysia (1994), *Wang dan Urusan Wang di Malaysia*. Kuala Lumpur : Bank Negara Malaysia, h. 355.

²⁵⁸ M.N.Siddiqi (1980), "Muslim Economic Thinking : A Survey of Contemporary", dalam Khurshid Ahmad (ed.), *Studies in Islamic Economics*. Leicester : ICRIE and the Islamic Foundation, h. 219.

²⁵⁹ *Ibid.*, h. 222.

ia telah menjadi asas kepada usaha untuk mewujudkan bank Islam²⁶⁰ di negara-negara Islam yang lain. Sehingga kini, terdapat kira-kira 177 institusi-institusi kewangan Islam diseluruh dunia yang menguruskan aset bernilai USD 90 billion. Tiga negara seperti Iran, Sudan dan Pakistan telah melaksanakan sistem perbankan Islam sepenuhnya di negara mereka.²⁶¹

Di Malaysia pula, penubuhan Lembaga Urusan dan Tabung Haji pada bulan Ogos 1969 adalah bertujuan untuk menggalak dan mengumpulkan tabungan dikalangan orang-orang Islam dan dalam masa yang sama menguruskan segala aspek aktiviti urusan haji di kalangan ahli.²⁶² Lembaga Urusan dan Tabung Haji ini hanya mampu menyelesaikan masalah umat Islam dari segi mengelakkan riba yang terdapat di bank-bank konvensional untuk perkhidmatan tabungan/deposit sahaja. Namun, kejayaan LUTH telah membuat umat Islam di Malaysia mendesak pihak kerajaan agar menubuhkan sebuah bank yang mengamalkan undang-undang syariah dalam bidang pengurusan bank dan pembiayaan. Di dalam satu kongres yang diadakan oleh para cendekiawan Islam pada tahun 1980 iaitu Kongres Ekonomi Bumiputera 1980 satu resolusi penting telah dicapai. Resolusi tersebut adalah untuk meminta pihak kerajaan membenarkan penubuhan sebuah bank Islam bagi

²⁶⁰ Zakariya Man (1988), "Islamic Banking : The Malaysian Experience", dalam Mohamed Ariff (ed), *Islamic Banking in Southeast Asia*. Singapore : Institute of Southeast Asian Studies, h. 70.

²⁶¹ Bank Negara Malaysia (1999), *The Central Bank and the Financial System in Malaysia – A Decade of Change*. Kuala Lumpur : Bank Negara Malaysia, h. 243.

²⁶² Othman Yong (1993), *Pasaran dan Institusi Kewangan di Malaysia : Teori dan Amalan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 300. Bermula pada tahun 199 , nama Lembaga Urusan dan Tabung Haji telah ditukar kepada Lembaga Tabung Haji atau singkatannya LTH.

menggerakkan dan melabur dana umat Islam di negara ini mengikut prinsip-prinsip syariah.²⁶³

Begitu juga dengan satu seminar yang diadakan di Universiti Kebangsaan Malaysia pada bulan Mac 1981 iaitu Seminar Kebangsaan Mengenai Konsep Pembangunan Dalam Islam telah meluluskan satu resolusi meminta kerajaan mengambil langkah segera untuk menggubal akta yang membolehkan penubuhan bank dan institusi kewangan yang beroperasi mengikut prinsip-prinsip syariah Islam.²⁶⁴ Beberapa usaha telah diambil oleh beberapa organisasi seperti Badan Kebajikan Malaysia (PERKIM), LUTH dan Bank Pembangunan Malaysia Berhad untuk mengkaji aspek-aspek pelaksanaan perbankan Islam di Malaysia.²⁶⁵

Akhirnya pada 30 Julai 1981, Kerajaan telah menubuhkan satu jawatankuasa khas iaitu Jawatankuasa Pemandu bagi penubuhan bank Islam di Malaysia dengan melantik Tan Sri Raja Mohar Raja Badiozaman, Penasihat Khas kepada Yang Amat Berhormat (YAB) Perdana Menteri sebagai Pengerusi jawatankuasa tersebut dan LUTH sebagai urusetianya.²⁶⁶ Tugas Jawatankuasa Pemandu yang dianggotai oleh seramai 20 orang ahli ini adalah seperti berikut²⁶⁷ :

²⁶³ Cheah Kooi Guan (1994), *Institusi-institusi Kewangan di Malaysia*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka dan Pulau Pinang : Universiti Sains Malaysia, h. 77.

²⁶⁴ Dr. Abdul Halim Ismail (1983), "Bank Islam Malaysia Berhad : Structure and Functions", *Seminar on Current Trends and Development of the Banking Industry in Malaysia*. Kuala Lumpur : Public Bank Berhad, h. 54.

²⁶⁵ Zakariya Man (1988), *op.cit.*, h. 69-70.

²⁶⁶ *Ibid.*, h. 70.

²⁶⁷ *Ibid.* Lihat juga Dr. Ab. Mumin Ab. Ghani (1999), *Sistem Kewangan Islam dan Pelaksanaannya di Malaysia*. Kuala Lumpur : Jabatan Kemajuan Islam di Malaysia, h. 358.

i- Untuk mengkaji dan mengenalpasti pelbagai aspek kritikal perbankan Islam seperti asas penubuhan, area operasi, perhubungan perniagaan dengan pelanggan dan institusi-institusi kewangan yang lain.

ii- Untuk memeriksa kesesuaian perbankan Islam dalam konteks Malaysia daripada pelbagai sudut termasuk agama, perundangan, bangsa, sosial dan sudut perkembangannya.

iii- Untuk mengemukakan kepada kerajaan cadangan penubuhan bank Islam dengan laporan lengkap yang mengandungi aspek-aspek berikut:

- a. Konsep-konsep asas bank Islam
- b. Kerangka perundangan
- c. Struktur syarikat

iv- Area operasi

v- Struktur organisasi

Jawatankuasa Pemandu seterusnya melantik tiga jawatankuasa teknikal iaitu Jawatankuasa Agama, Jawatankuasa Perundangan dan Jawatankuasa Operasi Perbankan. Untuk memudahkan lagi kajian, Jawatankuasa Pemandu ini telah dibekalkan dengan bahan-bahan rujukan, maklumat dan dokumen “Model Bank Islam” yang disediakan oleh Pertubuhan Bank-bank Islam Antarabangsa. Jawatankuasa ini juga mengkaji operasi Faisal Islamic Bank di Sudan dan Mesir²⁶⁸ sebagai panduan.

²⁶⁸ Zakariya Man (1988), *op.cit.*, h. 70.

Laporan Jawatankuasa Pemandu dikemukakan kepada YAB Perdana Menteri pada 5 Julai 1982. Cadangan Jawatankuasa tersebut adalah seperti berikut:²⁶⁹

- i- Sebuah bank Islam yang beroperasi mengikut undang-undang syariah hendaklah ditubuhkan.
- ii- Bank itu hendaklah diperbadankan sebagai syarikat berhad di bawah Akta Syarikat 1965.
- iii- Dalam menyelia perlesenan dan pengawalan bank, satu peruntukan undang-undang yang dikenali sebagai Akta Bank Islam 1982 hendaklah digubal dan berikutnya beberapa pindaan tertentu hendaklah dilakukan kepada akta-akta berkaitan yang sedia ada.
- vi- Bank Negara Malaysia (BNM) hendaklah menyelia Akta Perbankan Islam 1982.
- v- Bank Islam hendaklah menubuhkan sebuah Majlis Pengawasan Syariah untuk menyelia kepatuhan operasi bank dengan prinsip syariah.

Kerajaan memperakukan laporan tersebut dan seterusnya Akta Perbankan Islam 1983 dan Akta Pelaburan Kerajaan dibentangkan di Parlimen dan diluluskan pada bulan Mac 1983.²⁷⁰ Akta Perbankan Islam 1983 yang berkuatkuasa pada 7 April 1983 menjadi asas undang-undang untuk memperkenalkan produk perbankan berdasarkan prinsip Islam di Malaysia. Akta tersebut memberi kuasa kepada BNM untuk menyelia dan mengawal bank-bank Islam sepertimana bank-bank lain yang berlesen. Akta

²⁶⁹ Dr. Abdul halim Ismail (1983), *op.cit.*, h. 55.

²⁷⁰ Dr. Ab. Mumin Ab. Ghani (1999), *op.cit.*, h. 329.

Pelaburan Kerajaan pula memberi kuasa kepada kerajaan mengeluarkan Sijil Pelaburan Kerajaan iaitu bon kerajaan yang berasaskan prinsip Islam telah diluluskan juga pada tahun yang sama.²⁷¹

Sebenarnya Akta Pelaburan Kerajaan ini diwujudkan kerana satu isu timbul semasa Bank Islam Malaysia hendak ditubuhkan iaitu sama ada wajar ianya diawasi oleh BNM yang tidak merupakan satu institusi Islam. Dari satu segi Bank Islam Malaysia wajar diawasi oleh BNM kerana aktiviti-aktivitinya mempunyai hubungan dengan penawaran wang (*money supply*) dan bidang tersebut merupakan bidang kuasa BNM. Namun, dari segi isu-isu syariah, badan yang mempunyai kuasa ialah Majlis Pengawasan Syariah Bank Islam Malaysia dan bukannya BNM.²⁷²

Dengan adanya Akta Pelaburan Kerajaan ini, kerajaan telah menerbitkan bon berdasarkan prinsip *Qard al-Hasan*.²⁷³ Bon ini yang dinamakan Sijil Pelaburan Kerajaan telah membolehkan Bank Islam Malaysia mematuhi ketetapan undang-undang berkaitan dengan pemegangan aset-aset mudah tunai dan menyediakan satu cara pelaburan secara Islam.²⁷⁴ Dengan ini Malaysia merupakan negara pertama di dunia yang mengeluarkan bon kerajaan berasaskan Islam.

²⁷¹ Bank Negara Malaysia (1994), *op.cit.*, h. 355.

²⁷² Nor Mohamed Yakcop (1996), *Teori, Amalan dan Prospek Sistem Kewangan Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur : Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd., h. 53.

²⁷³ *Qard-ul-Hasan* ialah pinjaman ihsan yang merujuk kepada pinjaman tanpa faedah yang diberi untuk tujuan kebajikan. Peminjam hanya dikehendaki untuk membayar balik jumlah pinjaman pokok, tetapi ia boleh memberi mengikut budi bicaranya satu jumlah tambahan dalam bentuk *hibah* atau hadiah sebagai tanda penghargaan. Sila lihat Bank Negara Malaysia (1994), *op.cit.*, h. 360.

²⁷⁴ Nor Mohamed Yakcop (1996), *op.cit.*

Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) merupakan bank yang pertama di Malaysia beroperasi berdasarkan prinsip-prinsip syariah. BIMB ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 1 Mac 1983. BIMB memulakan operasinya pada 1 Julai 1983 dengan cawangan pertamanya di Kuala Lumpur.²⁷⁵ Dengan kewujudan BIMB ini, satu alternatif kepada perbankan konvensional yang sedia ada bagi penduduk Islam di Malaysia telah menjadi kenyataan seterusnya dapat membebaskan mereka dari belenggu persoalan riba.

Kerajaan Malaysia sememangnya memberi sokongan yang mantap atas kewujudan sistem perbankan Islam dengan melancarkan Skim Perbankan Tanpa Faedah atau SPTF pada 4 Mac 1993. SPTF merupakan satu skim yang membolehkan institusi kewangan konvensional menawarkan kemudahan perbankan Islam²⁷⁶ seperti yang ditawarkan oleh BIMB. Pada awal pelancarannya tiga bank perdagangan tempatan yang terbesar terlibat iaitu Malayan Banking Berhad, Bank Bumiputera Malaysia Berhad dan United Malayan Banking Corporation Berhad.

Sehingga penghujung bulan Jun 1999, institusi perbankan yang menawarkan SPTF telah meningkat kepada 54 buah yang terdiri daripada 24 bank perdagangan, 18 syarikat kewangan, 5 bank saudagar dan 7 syarikat diskaun. Pada 1 Disember 1998, kerajaan telah menukar istilah SPTF kepada Skim Perbankan Islam (SPI).²⁷⁷ Satu lagi peristiwa penting dalam sejarah perbankan Islam di Malaysia ialah apabila Bank

²⁷⁵ Sudin Haron (1996), *Prinsip dan Operasi Perbankan Islam*. Kuala Lumpur : Berita Publishing Sdn. Bhd., h. 236.

²⁷⁶ Nor Mohamed Yakcop (1996), *op.cit.*, h. 55.

²⁷⁷ Bank Negara Malaysia (1999), *op.cit.*, h. 245

Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) telah memulakan operasi sebagai bank Islam kedua di Malaysia mulai 1 Oktober 1999. Penubuhan BMMB ini adalah berikutan daripada penggabungan dua bank utama di Malaysia iaitu Bank Bumiputera Malaysia Berhad dan Bank of Commerce (M) Berhad.²⁷⁸

2.2 Matlamat dan prinsip asas penubuhan

BIMB diperkenalkan bertujuan untuk memenuhi keperluan kredit umat Islam berasaskan hukum-hukum syariah. Dalam masa yang sama, BIMB akan menjadi suatu bentuk alternatif kepada bank-bank konvensional bagi pelaburan dan kredit yang berasaskan prinsip penyertaan dan keadilan serta bukan berasaskan kadar bunga.²⁷⁹

Matlamat utama penubuhan BIMB adalah berusaha sedaya upaya menjalankan operasinya sebagai sebuah bank perdagangan berlandaskan hukum-hukum syarak untuk menyediakan kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan bank kepada semua umat Islam dan rakyat Malaysia, dengan mencapai keteguhan dan keupayaan berkembang maju dari masa ke semasa.²⁸⁰ Ini adalah untuk memenuhi permintaan umat Islam di negara ini yang masih belum mempunyai sebuah bank yang menyediakan perkhidmatan secara Islam. Rasionalnya adalah kerana bank-bank

²⁷⁸ Bank Negara Malaysia (1999), *Bank Negara Malaysia dan Sistem Kewangan di Malaysia – Perubahan Sedekad (1989-1999)*, Kuala Lumpur : Bank Negara Malaysia, h. 282.

²⁷⁹ Cheah Kooi Guan dan Loke Yiing Jia (2000), *Sistem Perbankan dan Kewangan Malaysia*. Petaling Jaya : Addison Wesley Longman Sdn. Bhd., h. 135.

²⁸⁰ Bank Islam Malaysia Berhad (t.t.), *Bank Islam Malaysia Berhad : Penubuhan dan Operasi*. Kuala Lumpur : Percetakan Hassan & Sons Sdn. Bhd., h. 8.

perdagangan yang sedia ada beroperasi berasaskan riba yang diharamkan oleh Islam.²⁸¹

Jika dilihat dari tiga prinsip asas perjalanan operasi BIMB yang digariskan oleh Jawatankuasa Pemandu dalam laporannya²⁸² kepada YAB Perdana Menteri adalah di dapati ianya bertepatan dengan prinsip syariah. Prinsip-prinsip asas²⁸³ tersebut ialah ;

- i- Pengharaman riba dan prinsip perkongsian untung dan rugi.
Prinsip perkongsian untung rugi adalah asas kepada semua aktiviti ekonomi yang melibatkan wang, kekayaan dan buruh dalam Islam. Konsep ini sepatutnya menggantikan bunga sebagai mekanisme penting dalam sistem perbankan sekarang.
- ii- Pengurusan bank Islam adalah berasaskan muamalah Islam.
Bank Islam mestilah memastikan aktiviti-aktivitinya tidak bercanggah dengan Islam.
- iii- Mengelakkan aktiviti-aktiviti yang bersalahan dengan kepentingan umat Islam.

²⁸¹ Othman Yong (1993), *op.cit.*, h. 301.

²⁸² Jawatankuasa Pemandu ialah satu jawatankuasa yang dilantik oleh Kerajaan Malaysia pada 30 Julai 1981 bagi tujuan penubuhan sebuah bank Islam di Malaysia.

²⁸³ Zakariya Man (1988), *op.cit.*, h. 71.

2.3 Perkembangan dan Pencapaian BIMB

Pada awal penubuhannya iaitu pada 1983, BIMB mempunyai modal dibenar sebanyak RM 500 juta yang dibahagikan kepada 500 juta saham biasa yang bernilai RM1.00 sesaham. Modal berbayar pula adalah sebanyak 80 juta iaitu kurang 20 juta daripada jumlah yang dicadangkan dalam Laporan Jawatankuasa Pemandu.²⁸⁴ Modal berbayar tersebut dipegang oleh pemegang-pemegang saham yang boleh dilihat dalam Rajah 2 berikut :

Rajah 2.1 : PEMEGANG-PEMEGANG SAHAM BIMB 1983

PEMEGANG SAHAM	RM JUTA
1. Kerajaan Malaysia	30
2. LUTH	10
3. PERKIM	5
4. Majlis-majlis Agama Negeri	20
5. Agensi-agensi Agama Negeri	3
6. Agensi-agensi Persekutuan	12
JUMLAH	80

Sumber : Bank Islam Malaysia Berhad (1994), *Islamic Banking Practice : From the Practitioner's Perspective*. Kuala Lumpur : Bank Islam Malaysia Berhad h. 155.

²⁸⁴ *Ibid.*, h. 72. Sila lihat Abdul Halim Ismail (1992), "Bank Islam Malaysia Berhad : Principles and Operations", dalam Sheikh Ghazali Sheikh Abod *et al.* (ed), *An Introduction to Islamic Finance*. Kuala Lumpur : Quill Publishers, h. 246.

Sejajar dengan perkembangan aset dan tujuan pengembangan syarikat di masa hadapan, modal berbayar bank telah ditambah dan disusun semula pada tahun 1990/91. Pada tahun 1990, satu saham baru telah dikeluarkan di bawah Skim Opsyen Saham Pekerja (*Employee Share Option Scheme*). Manakala pada tahun 1991 pula, saham baru dikeluarkan dalam bentuk satu terbitan saham istimewa kepada Menteri Kewangan (Diperbadankan), terbitan saham baru untuk pengambilalihan saham-saham tambahan dalam anak syarikatnya iaitu Syarikat Takaful Malaysia Berhad daripada pemilik-pemilik saham minoriti disamping terbitan awam dan terbitan hak. Oleh itu, modal berbayar bank telah meningkat kepada RM 133.4 juta.²⁸⁵

Pada 17 Januari 1992, saham-saham BIMB telah disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) menjadikan pemegang utama saham BIMB pada masa itu adalah seperti berikut :²⁸⁶

²⁸⁵ *Ibid.*

²⁸⁶ *Ibid.*, h. 155-156.

Rajah 2.2 : PEMEGANG-PEMEGANG SAHAM BIMB 1992

PEMEGANG-PEMEGANG SAHAM	PERATUSAN SAHAM (%)
1. Menteri Kewangan (Diperbadankan)	15.8
2. JAMI Company	13.8
3. LUTH	10.4
4. Majlis Agama Islam Sabah	5.9
5. Lembaga Tahun Angkatan Tentera	4.9
6. Majlis Agama Islam Selangor	4.1

Sumber : Bank Islam Malaysia Berhad (1994), *Islamic Banking Practice : From the Practitioner's Perspective*. Kuala Lumpur : Bank Islam Malaysia Berhad, h. 155 – 156.

Perkhidmatan yang ditawarkan oleh BIMB sama seperti bank-bank konvensional yang lain. Perbezaannya hanyalah dari segi operasi perkhidmatannya berdasarkan prinsip-prinsip syariah.²⁸⁷ Pada akhir tahun 1994, BIMB telah mempunyai enam buah anak syarikat iaitu :²⁸⁸

i- Syarikat Al-Ijarah Sendirian Berhad yang menjalankan kegiatan pemajakan harta tetap

²⁸⁷ Dr. Ab. Mumin Ab. Ghani (1999), *op.cit.*, h. 330.

²⁸⁸ Sudin Haron (1996), *op.cit.*

- ii- Al-Wakalah Nominees Sendirian Berhad yang menjalankan kegiatan perkhidmatan nomini dan pengurusan pelaburan portfolio²⁸⁹
- iii- Syarikat Takaful Malaysia Berhad Sendirian Berhad yang menawarkan perlindungan insurans am dan insurans keluarga.
- iv- BIMB Unit Trust Management Berhad yang menguruskan saham Bank Islam.
- v- BIMB Securities (Holdings) Sdn. Bhd. yang merupakan sebuah syarikat memegang pelaburan kepada BIMB Securities Sdn Bhd yang merupakan sebuah syarikat broker saham yang beroperasi mengikut prinsip-prinsip syariah.

Pada 22 Ogos 1997, telah berkuatkuasa satu skim baru dalam BIMB iaitu Skim Penyusunan Semula BIMB yang melibatkan perbadanan BIMB Holdings Berhad dan pertukaran saham daripada BIMB kepada BIMB Holdings Berhad. Dengan itu, BIMB Holdings Berhad telah menjadi pemegang saham tunggal BIMB sekaligus menjadikan BIMB anak syarikat milik penuh BIMB Holdings Berhad. Ekoran itu, berkuatkuasa pada 16 September 1997, kaunter BIMB di papan utama BSKL telah digantikan dengan BIMB Holdings Berhad.²⁹⁰

Suntikan modal sebanyak RM 646 juta oleh BIMB Holdings Berhad ke dalam BIMB menerusi terbitan hak khas pada masa itu melayakkan BIMB memenuhi keperluan status Bank Tahap Satu dan mengembangkan aktiviti-aktivitinya melalui penubuhan

²⁸⁹ Abdul Halim Ismail (1992), *op.cit.*, h. 247-249.

²⁹⁰ Bank Islam Malaysia Berhad (1997), *Laporan Tahunan 1997*. Kuala Lumpur : Bank Islam Malaysia Berhad, h. 18.

unit perbankan pengguna khusus, menubuhkan unit perbankan pelaburan, perbankan luar pesisir dan perkomputeran.²⁹¹

Walaupun BIMB kini adalah anak syarikat kepada BIMB Holdings Berhad, ia merupakan anak syarikat yang menjadi teras dan penyumbang keuntungan utama kepada BIMB Holdings. Sehingga penghujung tahun 1999, BIMB telah dapat menawarkan rangkaian 44 produk dan perkhidmatan perbankan Islam. Ia juga telah mempunyai 61 cawangan penuh dan 19 cawangan mini di seluruh negara²⁹² yang bermatlamat untuk menyediakan perkhidmatan perbankan Islam yang lebih komprehensif dan efisien kepada para pelanggannya. BIMB adalah di antara beberapa bank tempatan yang mencapai kadar 8% pertumbuhan kredit yang ditetapkan oleh BNM. Pertumbuhan kredit BIMB telahpun melebihi 10% berbanding 8% yang ditetapkan oleh BNM.²⁹³

Sehingga tahun 2002, BIMB Holdings Berhad mempunyai 8 anak syarikat yang terdiri dari bahagian perbankan, bahagian takaful, bahagian pasaran modal, bahagian harta dan bahagian-bahagian lain. Anak syarikat BIMB Holdings Berhad tersebut adalah seperti berikut ;²⁹⁴

- i- Bank Islam Malaysia Berhad
- ii- Syarikat Takaful Malaysia Berhad

²⁹¹ *Ibid.*

²⁹² *Ibid.*, h. 21.

²⁹³ *Ibid.*, h. 15.

²⁹⁴ BIMB Holdings Berhad (2002), *Laporan Tahunan 2002*. Kuala Lumpur : BIMB Holdings Berhad, h. 12. Sila lihat Lampiran 1 untuk melihat struktur korporat kumpulan dengan terperinci.

- iii- BIMB Securities (Holdings) Sdn. Bhd.
- iv- Syarikat al-Ijarah Sdn. Bhd.
- v- Pembiayaan Perumahan Nasional Sdn.Bhd.
- vi- BIMB Venture Capital Sdn. Bhd.
- vii- BIMB Musyarakah Satu Sdn. Bhd.
- viii- Islamic Banking and Finance Institute Malaysia Sdn. Bhd. (Associate Company)

BIMB (Bank Islam) sebagai subsidiari teras kumpulan terus menjadi penyumbang terbesar kepada keuntungan BIMB Holdings Berhad dengan menguasai pegangan juzuk terbesar sebanyak 69.50 peratus daripada keseluruhan keuntungan dalam tahun kewangan berakhir 30 Jun 2002. BIMB juga berjaya menguasai 22 peratus pegangan juzuk pasaran industri perbankan Islam tempatan pada tahun 2002.²⁹⁵

Dalam tahun 2002, perbankan BIMB mencatatkan peningkatan 17.40 peratus pada keuntungan sebelum zakat dan cukai kepada RM 66.19 juta daripada RM 56.38 juta pada tahun 2001. Peningkatan ini hasil daripada penambahan hasil pembiayaan dan Syahadah Ad-Dayn sepanjang tahun 2002. Jumlah pendapatan pembiayaan meningkat 13.62 peratus kepada RM 375.14 juta daripada RM 330.16 juta pada tahun 2001. Sementara jumlah pendapatan keseluruhan menokok 12.42 peratus kepada RM 552.97 juta daripada RM 491.86 juta pada 2001.²⁹⁶

²⁹⁵ *Ibid.*, h. 24.

²⁹⁶ *Ibid.*, h. 37.

Jumlah aset BIMB meningkat 17.31 peratus kepada RM 12.13 bilion daripada RM 10.34 bilion pada tahun 2001 hasil daripada peningkatan pembiayaan kepada pelanggan sebanyak 13.12 peratus kepada RM 5.69 bilion daripada RM 5.03 bilion pada tahun 2001. Jumlah deposit meningkat 22.55 peratus kepada RM 10.76 bilion daripada RM 8.78 bilion pada tahun 2001 berdasarkan kepada kadar pulangan kepada pendeposit yang lebih tinggi. Nisbah Modal Berisiko pula berada di tahap yang selesa iaitu 16.1 peratus berbanding dengan purata industri bank-bank komersil yang terletak pada 12.8 peratus.²⁹⁷

Sungguhpun Pembiayaan Tidak Berbayar (NPF) meningkat 4.70 peratus kepada RM 911.46 juta daripada RM 870.57 juta pada tahun 2001, nisbah NPF bersih susut 10.78 peratus berbanding 11.23 peratus pada tahun 2001 disebabkan peningkatan jumlah pembiayaan kepada pelanggan. BIMB membuat peruntukan am untuk hutang lapuk dan ragu lebih tinggi sebanyak 3.0 peratus berbanding 2.5 peratus pada tahun 2001. Dalam tahun 2002 ini, BIMB telah menetapkan beberapa strategi menyeluruh untuk mempertingkatkan prestasi kewangan pada tahun kewangan semasa. Ini termasuk mempertingkatkan usaha kutipan dan susulan pembiayaan bagi mengurangkan kadar NPF, mengkaji semula portfolio aset berisiko dan menetapkan semula strategi pelaburan dalam kumpulan berisiko rendah dan meningkatkan aktiviti berteraskan yuran.²⁹⁸

²⁹⁷ *Ibid.*

²⁹⁸ *Ibid.*

2.4 Konsep dan prinsip syariah dalam operasi BIMB

Secara umumnya, kegiatan bank adalah mengambil deposit dan menggunakannya untuk membiayai kegiatan yang menghasilkan untung, membayar dividen kepada penyimpan dan menanggung kos operasi bank.²⁹⁹ Bagi BIMB pula, dalam menjalankan operasi perbankannya ia bersandarkan kepada konsep dan prinsip syariah yang termaktub di dalam al-Quran, al-Sunnah, ijmak ulama, ijtihad ulama fiqh khususnya dalam Mazhab Syafi'i, Hanbali, Hanafi, Maliki dan pendapat ulama semasa yang mempunyai kepakaran dalam bidang syariah dan ekonomi.³⁰⁰

Dalam operasi BIMB, prinsip-prinsip syariah yang digunakan lebih kurang sama seperti prinsip yang digunakan dalam bank-bank konvensional yang terlibat dalam Skim Perbankan Islam (SPI). Prinsip-prinsip yang digunakan dalam SPI adalah seperti berikut³⁰¹ :

2.4.1 *Al-Wadī'ah Yad Ḍamānah* (simpanan dengan jaminan)

Ia merujuk kepada deposit yang diserahkan kepada seseorang yang bukan pemilik harta tersebut untuk disimpan. Oleh kerana *al-Wadī'ah* bertunjangan amanah, penerima deposit secara automatik menjadi penjamin yang menjamin bayaran balik keseluruhan jumlah deposit apabila diminta. Pendeposit tidak berhak ke atas

²⁹⁹ Othman Yong (1993), *op.cit.*.

³⁰⁰ Mahsin Haji Mansor (1983), *Konsep Syariah Dalam Bank Islam*. Sungei Way : Bank Islam Malaysia Berhad, h. 4.

³⁰¹ Sudin Haron (1996), *op.cit.*. Sila lihat Bank Negara Malaysia (1994), *Op.cit.*, h. 357-361.

pembahagian keuntungan tetapi boleh menerima *hibah* atau hadiah daripada penerima deposit sebagai tanda penghargaan.

2.4.2 *Al-Muḍārabah* (Pembahagian keuntungan)

Ia merujuk kepada perjanjian yang dibuat oleh satu pihak yang mengeluarkan modal dengan pengusaha di pihak yang lain, untuk membolehkan pengusaha menjalankan projek perniagaan atas dasar pembahagian untung, berdasarkan nisbah pembahagian keuntungan yang telah dipersetujui sebelumnya. Jika berlaku kerugian, ianya akan ditanggung sepenuhnya oleh pemodal.

2.4.3 *Al-Musyārahah* (Syarikat Usahasama)

Ia merujuk kepada perkongsian atau usahasama untuk menjalankan perniagaan tertentu yang bermotifkan keuntungan di mana keuntungan akan dibahagikan berdasarkan nisbah yang telah dipersetujui. Jika berlaku kerugian, ianya akan ditanggung oleh kedua-dua pihak mengikut nisbah saham atau ekuiti yang dimiliki.

2.4.4 *Al-Murābahah* (Jualan dengan tambahan untung)

Ia merujuk kepada penjualan suatu barang pada harga yang termasuk margin keuntungan sepertimana yang telah dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak. Dalam kontrak *al-Murābahah*, harga, lain-lain kos dan margin keuntungan hendaklah ditetapkan semasa perjanjian jual beli dibuat .

2.4.5 *Al-Bay' bi-Thaman Ājil* (Jualan dengan harga tangguh)

Prinsip ini sama seperti *Al-Murābahah* kecuali dalam konteks ini ianya merupakan penjualan suatu barang bayaran secara tertangguh.

2.4.6 *Bay' al-Dayn* (Perniagaan hutang)

Ia merujuk kepada pembiayaan hutang, iaitu peruntukan kewangan yang diperlukan untuk pembuatan, perdagangan dan perkhidmatan dengan cara jual/beli dokumen/kertas perdagangan. Ia merupakan kemudahan jangka pendek dengan tempoh kematangan tidak melebihi satu tahun. Hanya dokumen yang membuktikan hutang hasil daripada urusanniaga perdagangan *bona fide* boleh diniagakan.

2.4.7 *Al-Ijārah* (Pajakan)

Ia merujuk kepada kontrak di mana pemajak memajakkan suatu peralatan, bangunan atau lain-lain kemudahan kepada pelanggannya dengan harga pajakan yang dipersetujui bersama.

2.4.8 *Al-Ijārah Thumma al-Bay'* (Sewa diikuti dengan jual beli)³⁰²

Ia merujuk kepada dua kontrak yang ditandatangani secara berasingan dan berturutan seperti berikut :

- i- Kontrak *al-Ijārah* (sewa)
- ii- Kontrak *al-Bay'* (jual beli)

Bagi kontrak yang pertama, penyewa menyewa suatu barang daripada pemiliknya pada harga sewa yang dipersetujui untuk tempoh tertentu. Apabila tempoh sewaan tamat, penyewa menandatangani kontrak kedua untuk membeli barangan tersebut daripada pemiliknya pada suatu harga yang dipersetujui bersama. Prinsip ini diterima pakai untuk pembiayaan barangan pengguna.

2.4.9 *Al-Qard al-Hasan* (Pinjaman Ihsan)

Ia merujuk kepada pinjaman tanpa faedah yang diberi untuk tujuan kebajikan. Peminjam hanya dikehendaki untuk membayar balik jumlah pinjaman pokok, tetapi ia boleh memberi mengikut budi bicaranya jumlah tambahan dalam bentuk *hibah* (hadiah) sebagai tanda penghargaan.

³⁰² Ia juga dikenali dikenali dengan *al-Ta'jiri*. Sila lihat Rosli Mahmood (1994), *Konsep Asas Perbankan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 17.

2.4.10 *Al-Wakālah* (Perwakilan)

Ia merujuk kepada situasi di mana satu pihak menamakan satu pihak yang lain untuk bertindak sebagai wakil bagi dirinya.

2.4.11 *Al-Kafālah* (Jaminan)

Ia merujuk kepada jaminan yang diberikan oleh satu pihak kepada pemilik suatu barang yang telah meletakkan atau mendepositkan barangannya dengan pihak ketiga. Kemudiannya, jika ada tuntutan oleh pemilik yang berhubungkait dengan barangan tersebut, hendaklah diselesaikan oleh penjamin jika tuntutan itu tidak ditunaikan oleh pihak ketiga.

2.4.12 *Al-Rahn* (Gadaian)

Ia merujuk kepada situasi di mana suatu barangan berharga dicagarkan untuk sesuatu hutang. Cagaran tersebut boleh ditunaikan untuk membayar hutang tersebut jika berlaku kemungkiran.

2.4.13 *Al-Ḥiwālah* (Kiriman wang)

Ia merujuk kepada pengiriman dana/hutang daripada akaun depositor/peminjam kepada akaun penerima/pemberi pinjam di mana komisyen atau upah (*al-Ujrr*) dikenakan untuk perkhidmatan tersebut.

2.4.14 *Al-Ujr* (Upah)

Ia merujuk kepada komisyen atau upah yang dikenakan untuk sesuatu perkhidmatan.

2.4.15 *Al-Istiṣnā'*³⁰³ (Tempahan)

Ia merujuk kepada satu kontrak yang melibatkan bayaran yang terdahulu untuk barang yang ditempah. Barangan tersebut akan dibuat dan dihantar kemudian.

2.5 Produk dan Perkhidmatan Yang Disediakan oleh BIMB

Produk dan perkhidmatan perbankan Islam yang diamalkan oleh BIMB juga tidak banyak berbeza dengan produk dan perkhidmatan yang ditawarkan di institusi-institusi SPI yang lain. Produk dan perkhidmatan yang dirumus mengikut konsep dan prinsip syariah adalah seperti berikut :³⁰⁴

³⁰³ Othman Yong (1993), *op.cit.*, h. 296.

³⁰⁴ Nor Mohamed Yacop (1996), *op.cit.*, h. 74-75 ; Bank Negara Malaysia (1994), *op.cit.*, h. 357-359.

**Rajah 2.3 : PRODUK DAN PERKHIDMATAN BIMB MENGIKUT
PRINSIP SYARIAH**

PRODUK	PRINSIP ISLAM
1. Akaun Semasa	<i>al-Wadī'ah Yad Ḍamānah</i>
2. Akaun Simpanan	<i>al-Wadī'ah Yad Ḍamānah</i>
3. Akaun Pelaburan Am	<i>al-Muḍārabah</i>
4. Akaun Pelaburan Khas	<i>al-Muḍārabah</i>
5. Pelaburan dalam Sijil Pelaburan Kerajaan	<i>Qarḍ al-Ḥasan</i>
6. Pelaburan Dalam Saham/ Pembiayaan Pemilikan Saham	<i>al-Wakālah</i> atau <i>al-Muḍārabah</i> atau <i>al-Bay' bi-Thaman Ājil</i>
7. Pembiayaan Pembelian Rumah	<i>al-Bay' bi-Thaman Ājil</i>
8. Pembiayaan pembelian Kenderaan	<i>al-Bay' bi-Thaman Ājil</i> atau <i>al-Ijārah Thumma al-bay'</i> <i>(al-Ijārah al-Muntahiyah</i> <i>bi al-Tamlīk)</i>
9. Pembiayaan Modal Kerja	<i>al-Murābahah</i>
10. Pembiayaan Projek	<i>al-Muḍārabah</i> atau <i>al-Musyārahah</i>
11. Pembiayaan Pemilikan Harta	<i>Bay' bi-Thaman Ājil</i>

PRODUK	PRINSIP SYARIAH
12. Pembiayaan Semula Kredit Eksport Secara Islam i) Pra Penghantaran ii) Pasca Penghantaran	<i>al-Murābahah</i> dan <i>Bay' al-Dayn</i>
13. Bil Penerimaan Secara Islam i) Import/Belian ii) Eksport/Jualan	<i>al-Murābahah</i> dan <i>Bay' al-Dayn</i>
14. Kemudahan Surat Kredit	<i>al-Wakālah</i> atau <i>al-Murābahah</i> atau <i>al-Musyārahah</i>
15. Jaminan Perkapalan	<i>al-Kafālah</i>
16. Surat Jaminan	<i>al-Kafālah</i>
17. Bon-bon Korporat Secara Islam	<i>al-Bay' bi-Thaman Ājil</i>
18. Kemudahan Overdraft	<i>al-Qarḍ al-Ḥasan</i>
19. Operasi bil	<i>al-Ujṛ</i> atau <i>al-Wakālah</i>
20. Jaminan Bank	<i>al-Kafālah</i>
21. Pinjaman Ihsan/Kebajikan	<i>al-Qarḍ al-Ḥasan</i>
22. Pajak	<i>al-Ijārah</i>
23. Penanggung Jaminan Bon Islam	<i>al-Ujṛ</i>

Sumber : Nor Mohamed Yakcop (1996), *Teori, Amalan dan Prospek Sistem Kewangan Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur : Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd., h. 74 – 75.

2.6 Operasi Syarikat

Apabila diperkatakan mengenai operasi syarikat, terdapat dua perkara yang perlu diberi perhatian iaitu sumber dan penggunaan dana bank. Manakala perhubungan secara kontrak antara BIMB dengan pelanggan dari sudut sumber dan penggunaan dana bank dapat dijelaskan dalam rajah berikut:³⁰⁵

Rajah 2.4 : SUMBER DAN PENGGUNAAN DANA BIMB

SUMBER DANA	PENGGUNAAN DANA
<p>Akaun Semasa</p> <p>><i>al-Wadī'ah</i></p>	<p>Pembiayaan Ekuiti</p> <p>><i>al-Muḍārabah</i></p> <p>><i>al-Musyārahah</i></p>
<p>Akaun Simpanan</p> <p>><i>al-Wadī'ah</i></p> <p>><i>al-Muḍārabah</i></p>	<p>Pembiayaan Berjangka</p> <p>><i>al-Bay bi-Thaman Ājil</i></p> <p>><i>al-Ijārah</i></p>

³⁰⁵ Bank Islam Malaysia Berhad (1994), *op.cit.*, h. 46.

SUMBER DANA	PENGUNAAN DANA
-------------	----------------

Akaun Pelaburan Am

>*al-Muḍārabah*

Pembiayaan Perdagangan

>Surat Kredit *al-Wakālah*

>Surat Kredit *al-Muḍārabah*

>Surat Kredit *al-Musyārahah*

>Pembiayaan Modal Kerja

al-Muḍārabah

>Bil Penerimaan Secara

Islam

>Pembiayaan Semula Kredit

Eksport Secara Islam

Akaun Pelaburan Khas

>*al-Muḍārabah*

Pelaburan

Sumber : Bank Islam Malaysia Berhad (1994), *Islamic Banking Practice : From the Practitioner's Perspective*. Kuala Lumpur : Bank Islam Malaysia Berhad, h. 46.

Penjelasan terperinci mengenai operasi BIMB adalah seperti berikut:³⁰⁶

2.6.1 Sumber-sumber Dana

BIMB mempunyai sumber dana seperti berikut :

2.6.1.1 Ekuiti Pemilik Saham

Penjelasan terperinci tentang ekuiti pemilik saham BIMB boleh dirujuk di para 1.3.

2.6.1.2 Akaun Semasa

BIMB menerima deposit pelanggan dalam bentuk akaun semasa berdasarkan kontrak *al-Wadī'ah Yad Damānah (Guaranteed Custody)* yang bukan berdasarkan pembiayaan ekuiti ataupun pembiayaan hutang. Ia merupakan kombinasi dua kategori kontrak perniagaan Islam iaitu *al-Wadī'ah* dan *al-Damānah*. Butir-butir terperinci berkenaan akaun ini adalah seperti berikut:

- i) Bank menerima deposit daripada penyimpan yang ingin mencari tempat simpanan yang selamat untuk wang mereka dan dalam masa yang sama boleh memberi kemudahan kepada mereka dalam bentuk akaun semasa berdasarkan prinsip *al-Wadī'ah Yad Damānah*.

³⁰⁶ *Ibid.*, h. 28-45.

- ii) Bank meminta keizinan daripada penyimpan untuk menggunakan wang simpanan mereka selama mana wang tersebut tersimpan dengannya.
- iii) Para penyimpan berhak mengeluarkan sebahagian atau semua baki simpanan pada bila-bila masa yang dikehendaki dan bank memberi jaminan akan memulangkan baki tersebut.
- iv) Semua keuntungan daripada penggunaan baki simpanan adalah kepunyaan bank.
- v) Bank juga menyediakan buku cek kepada penyimpan dan perkhidmatan – perkhidmatan lain yang berhubung dengan akaun semasa.

2.6.1.3 Akaun Simpanan

BIMB menerima deposit akaun simpanan daripada penyimpan mengikut kontrak dan kaedah yang sama dengan akaun semasa. Perbezaan yang ada hanyalah seperti berikut :

- i) Bank mempunyai budi bicaranya untuk memberikan sebahagian daripada keuntungan yang diperolehi daripada penggunaan baki akaun simpanan kepada penyimpan dari masa ke semasa.
- ii) Bank juga menyediakan buku simpanan dan perkhidmatan-perkhidmatan lain berhubung dengan akaun simpanan. Bank juga menyediakan perkhidmatan pengeluaran wang melalui mesin atau Mesin Teler Berautomasi (*Automated Teller Machine-ATM*) kepada penyimpan.

2.6.1.4 Akaun Pelaburan Am

Bank menggerakkan deposit dalam Akaun Pelaburan Am (APA) daripada penyimpan berasaskan kontrak pembiayaan ekuiti *al-Muḍārabah*. Butir-butir terperinci mengenai akaun ini adalah seperti berikut:

- i) Bank menerima deposit daripada pelanggan yang ingin mencari peluang pelaburan wang mereka dalam APA berdasarkan prinsip *al-Muḍārabah*.
- ii) Simpanan dalam APA mestilah mempunyai tempoh yang tertentu iaitu berdasarkan tempoh yang telah ditetapkan oleh pihak bank yang dipersetujui oleh penyimpan. Tempoh deposit yang ditetapkan oleh pihak bank adalah seperti berikut:

1 bulan	18 bulan
3 bulan	24 bulan
6 bulan	36 bulan
9 bulan	48 bulan
12 bulan	60 bulan
15 bulan	dan ke atas/lebih

iii) Dalam kontrak *al-Muḍārabah*, bank bertindak sebagai pengusaha sementara penyimpan sebagai pemilik modal. Sebarang keuntungan yang diperolehi daripada pelaburan itu akan dibahagikan antara kedua-dua pihak mengikut kadar nisbah yang dipersetujui bersama seperti 70 peratus untuk pelanggan dan 30 peratus lagi untuk bank. Kadar pembahagian keuntungan ini boleh berubah dari semasa ke semasa.

- iv) Jika berlaku kerugian, ia akan ditanggung oleh penyimpan.
- v) Penyimpan tidak akan mencampuri urusan pelaburan wang mereka.

2.6.1.5 Akaun Pelaburan Khas

Pihak bank juga menerima deposit secara terpilih (*selective*) daripada kerajaan atau badan-badan korporat dalam bentuk Akaun Pelaburan Khas (APK) sebagai tambahan kepada perkhidmatan deposit yang diterima daripada pelanggan biasa. Akaun ini juga beroperasi mengikut prinsip *al-Mudārabah*. Cara pelaburan dana dan kadar pembahagian keuntungan ditentukan melalui rundingan antara kedua-dua pihak. APK ini sebenarnya merupakan operasi pasaran wang BIME yang diuruskan oleh Jabatan Perbendaharaan bank.

2.6.2 Penggunaan Dana

Penggunaan dana-dana yang terkumpul daripada sumber-sumber yang telah disebutkan akan disalurkan dalam pelbagai jenis pembiayaan, bentuk pelaburan dan khidmat kepada pelanggan di samping memenuhi keperluan wajib Bank Negara Malaysia (BNM).³⁰⁷ Bentuk-bentuk penggunaan dana dapat diperincikan seperti berikut :³⁰⁸

³⁰⁷ Dr. Ab. Mumin Ab. Ghani (1999), *op.cit.*, h. 333.

³⁰⁸ Bank Islam Malaysia Berhad (1994), *op.cit.*, h. 33-45.

2.6.2.1 Rizab Berkanun³⁰⁹

Bank dikehendaki mengekalkan jumlah rizab tersebut dengan BNM. Rizab ini mesti berkaitan dengan deposit pelanggan dan bukannya dengan dana pemilik modal. BNM yang menentukan kadar nisbah rizab berbanding dengan deposit yang mesti dikekalkan dengan BNM dari semasa ke semasa. Kontrak yang digunakan dalam memenuhi keperluan ini adalah kontrak *al-Wadī'ah Yad Ḍamānah*. BNM tidak membayar apa-apa keuntungan daripada simpanan rizab tersebut. Keperluan rizab berkanun adalah satu cara yang digunakan oleh BNM untuk mengendalikan polisi kewangan negara dan ia merupakan rizab yang boleh digunakan di saat-saat bank menghadapi masalah kewangan yang serius.

2.6.2.2 Keperluan Mudah Tunai³¹⁰

BIMB perlu mematuhi Keperluan Mudah Tunai bagi semua jenis depositnya. Nisbah Mudah Tunai ditentukan oleh BNM dari semasa ke semasa. Bentuk aset mudah tunai³¹¹ juga ditentukan oleh BNM. Aset penting yang dipegang oleh BIMB bagi tujuan ini ialah Sijil Pelaburan Kerajaan Malaysia (*Malaysian Government*

³⁰⁹ Di bawah Seksyen 37(1)(d) Akta Bank Pusat 1958, sesebuah bank Islam perlu menyimpan peratusan tertentu rizabnya dengan Bank Negara Malaysia dan pada masa ini adalah 4 % daripada jumlah tanggungan yang layak. Sila lihat Bank Negara Malaysia (1999), *op.cit.*, h.516.

³¹⁰ Di bawah Seksyen 16 Akta Bank Islam (ABI), sesebuah bank Islam perlu mematuhi nisbah mudah tunai minimum (NMM) pada sebarang masa untuk memenuhi permintaan pengeluaran deposit dan tanggungan-tanggungan lain yang telah matang. NMM dinyatakan di dalam peratusan asas tanggungan yang layak bagi bank Islam. Tanggungan yang layak merangkumi semua deposit, pelaburan bersih daripada institusi kewangan lain iaitu bank perdagangan, syarikat kewangan dan bank saudagar serta perjanjian belian hadapan bersih secara Islam (atau perjanjian belian balik secara Islam). *Ibid.*

³¹¹ Aset mudah tunai adalah termasuk wang tunai, baki dengan Bank Negara Malaysia (tidak termasuk rizab berkanun), bon *mudarabah* Cagamas, bil penerimaan secara Islam yang didiskaun atau dibeli dan Terbitan Pelaburan Kerajaan. *Ibid.*

Investment Certificate-MGIC). Sijil ini merupakan satu percubaan kerajaan Malaysia untuk mengeluarkan bon kerajaan berdasarkan prinsip syariah. MGIC ini dikeluarkan oleh BNM mewakili pihak kerajaan dan ianya adalah berdasarkan kontrak *Qard al-Hasan*.

2.6.2.3 Pembiayaan

BIMB bebas menggunakan baki sumber dana daripada deposit penyimpan dan pemilik saham untuk tujuan operasi bank selepas memenuhi Keperluan Rizab Berkanun dan Keperluan Mudah Tunai. Di antara kemudahan pembiayaan yang ditawarkan oleh BIMB adalah seperti berikut :³¹²

i) **Pembiayaan Projek Melalui Kontrak *al-Muḍārabah***

Bank menyediakan modal pembiayaan bagi projek-projek yang boleh diterima mengikut prinsip *al-Muḍārabah*. Bank sebagai pemodal tidak boleh melibatkan diri dalam pengurusan projek tetapi ia berhak menyelia dan membuat tindakan susulan terhadapnya. Keuntungan (jika ada) akan dibahagikan mengikut kadar pengagihan keuntungan yang telah dipersetujui bersama. Jika berlaku kerugian pula, ia akan ditanggung oleh pihak bank.

³¹² Bank Islam Malaysia Berhad (1994), *op.cit.*, h. 36-39.

ii) **Pembiayaan Projek Melalui Kontrak *al-Musyārahah***

Dalam pembiayaan berdasarkan prinsip *al-Musyārahah* pula, bank bersama-sama dengan pengusaha sesuatu projek akan menyediakan pembiayaan projek mengikut nisbah kadar yang dipersetujui bersama dan kedua-duanya mempunyai hak untuk turut sama dalam pengurusan projek berkenaan. Kadar pembahagian keuntungan berdasarkan persetujuan kedua-dua belah pihak dan ianya tidak semestinya sama dengan kadar penyertaan ekuiti dalam projek. Jika berlaku kerugian pula, kedua-dua belah pihak akan menanggung kerugian berdasarkan peratusan syer dalam pembiayaan tersebut.

iii) **Pembiayaan Perolehan Aset Melalui Kontrak *al-Bay' bi-Thaman Ājil***

Berdasarkan prinsip *al-Bay' bi-Thaman Ājil*, bank akan membiayai pelanggan yang ingin memperolehi sesuatu aset dengan pembayaran bertangguh atau membayar secara ansuran selama tempoh tertentu. Pertamanya, bank akan membeli sesuatu aset yang dikehendaki pelanggan dan menjualkannya semula kepada pelanggan pada tingkat harga baru yang dipersetujui. Harga baru ini mengandungi kos sebenar aset dicampur dengan margin keuntungan bagi bank. Pelanggan boleh membayar harga aset tersebut secara ansuran dengan tempoh dan cara pembayaran yang telah dipersetujui pihak bank.

iv) **Pembiayaan Menggunakan Khidmat Aset Melalui Kontrak al-Ijarah**

Bank akan membeli aset yang diperlukan oleh pelanggan dan menyewakan aset berkenaan mengikut tempoh yang ditetapkan. Sewa bulanan akan dikutip. Kontrak ini tertakluk kepada syarat-syarat lain yang telah dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak. Pembiayaan jenis ini adalah untuk membolehkan pelanggan memperolehi hak mengguna khidmat sesuatu aset dengan bank merupakan pemilik aset berkenaan.

v) **Pengsekuritan³¹³ dan Perdagangan Hutang Melalui Kontrak Bay' al-Dayn**

Al-Bay' bi-Thaman Ajil dan *al-Ijarah* adalah merupakan alat pembiayaan hutang memandangkan kedua-duanya melibatkan hutang (*al-Dayn*). Hutang ini boleh diniagakan dalam pasaran melalui pengsekuritan.³¹⁴ Bank pernah melakukan pengsekuritan terhadap sesetengah aset hutangnya. Dalam salah satu kes pembiayaan bank secara sindiket berjumlah RM 125 juta yang dibuat di bawah kontrak *al-Bay'*

³¹³ Pengsekuritan pernah dilakukan oleh bank terhadap sesetengah aset hutangnya sama ada dalam bentuk Bil Pertukaran (*Bill of Exchange*) atau nota janji (*Promissory Note*). *Ibid.*, h. 77. Pengsekuritan adalah satu proses menukarkan aset tidak mudah tunai (illiquid aset) kepada sekuriti yang boleh diniagakan supaya ianya menjadi mudah tunai dengan cara memajukan atau mencipta beberapa mekanisme pasaran. Dengan kata lain, ia adalah proses menjadikan hutang itu boleh diniagakan. Si penghutang melalui proses ini boleh terus memasuki pasaran modal (*have direct access to the capital market*). Manakala si pemiutang pula boleh memudahkannya pada bila-bila masa dan mampu membuat pilihan yang lebih baik dalam peluang-peluang pelaburan yang ada. Pengsekuritan ini mempunyai dua bentuk, iaitu :

- i. Pengeluaran sekuriti sebagai ganti kepada pinjaman (nota dan bon). Biasanya bentuk ini dikenali dengan pengsekuritan hutang.
- ii. Pengeluaran sekuriti yang bersandarkan aset (*asset-backed securities*) atau biasanya dikenali sebagai pengsekuritan aset.

Dr. Ab. Mumin Ab. Ghani (1999), *op.cit.*, notakaki h. 319 ; Peter S. Rose dan James W. Kolari (1995), *Financial Institutions Understanding and Managing Financial Services*, c. 5. Boston : Richard D. Irwin, Inc., h. 292-293; Gary Smith (1981), *Money Banking and Financial Intermediation*. Lexington : D.C. Heath and Company, h. 355 & 404.

³¹⁴ *Ibid.*, h. 290.

bi-Thaman Ājil kepada sebuah syarikat multinasional, syarikat tersebut telah mengeluarkan nota janji (*promissory note*)³¹⁵ dengan jumlah dan tempoh matang berdasarkan kepada jadual pembayaran balik pembiayaan di kalangan peserta sindiket tersebut.

2.6.2.4 Pembiayaan Perdagangan

Perkhidmatan jenis ini diberikan oleh bank bertujuan untuk membantu pelanggan melengkapkan urusanniaga perdagangan mereka. Kemudahan pembiayaan ini diberikan berkaitan dengan belian/import dan jualan/eksport barangan perdagangan sama ada untuk dagangan dalam negeri atau antarabangsa.

i) Surat Kredit *al-Wakālah*

Pelanggan perlu membuat pembayaran pendahuluan mengikut nilai surat kredit yang mahu dikeluarkan. Setelah itu bank akan mengeluarkan surat kredit mengikut syarat-syarat jual beli antara pelanggan dan pembekalnya. Bank akan membayar menggunakan wang deposit pelanggan kepada bank pembekal apabila proses perundingan selesai. Setelah itu semua dokumen yang berkaitan dengan perdagangan

³¹⁵ Pengeluaran nota janji ini adalah berpandukan garis panduan mengenai pengeluaran sekuriti hutang swasta yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia. Di antara panduan yang telah ditetapkan ialah:

- i. Jumlah minima pembiayaan tidak kurang dari RM 25 juta.
- ii. Modal berbayar dan rizab syarikat mestilah tidak kurang dari RM 25 juta.
- iii. Pembiayaan mestilah tidak kurang dari 3 tahun.
- iv. Nisbah Ekuiti Hutang (*Debt Equity Ratio*) tidak boleh melebihi 2 : 1

Bank Islam Malaysia Berhad (1994), *op.cit.*, h. 77.

akan diserahkan kepada pelanggan dan bank akan mengutip komisen dari perkhidmatan yang diberikan berdasarkan prinsip upah (*al-Ujir*).³¹⁶

ii) **Surat Kredit *al-Musyārahah***

Di bawah kemudahan ini, bank bersetuju berkongsi membiayai pengimportan barang-barang dan menerima sebahagian daripada harga barang yang hendak diimport daripada pelanggan dan meletakkannya di bawah akaun *al-Wadī'ah*. Bank seterusnya mengeluarkan surat kredit dan menggunakan modal wang tersebut dan sejumlah wang bank (yang dipersetujui secara *musyārahah*) untuk menyelesaikan tuntutan dan mengenakan komisen kepada pelanggan. Penjualan barang berkenaan dibuat oleh pelanggan dan keuntungan dikongsi mengikut perjanjian *al-Musyārahah*.³¹⁷

iii) **Surat Kredit *al-Murābahah***³¹⁸

Pelanggan akan memaklumkan kepada pihak bank berkenaan barangan yang diperlukan dan meminta pihak bank membeli/mengimport barangan tersebut. Pelanggan akan membeli barangan tersebut daripada pihak bank berdasarkan prinsip *al-Murābahah*. Bank akan mengeluarkan surat kredit dan membayarnya kepada bank pembekal dengan menggunakan wang bank. Bank akan menjual semula barangan tersebut kepada pelanggan dengan harga yang meliputi unsur kos barangan dan

³¹⁶ Sudin haron (1996), *op.cit.*, h. 249.

³¹⁷ Othman Yong (1993), *op.cit.*, h. 305.

³¹⁸ Bank Islam Malaysia Berhad (1994), *op.cit.*, h. 41-45.

margin keuntungan berdasarkan prinsip *al-Murābahah* dan pembayarannya adalah secara bertanggung.

iv) **Surat Jaminan *al-Kafālah***

Surat jaminan adalah sejenis kemudahan yang disediakan oleh bank bagi membantu pelanggannya meyakinkan pihak lain (pihak ketiga) bahawa pelanggannya itu akan memenuhi tanggungjawabnya. Tanggungjawab ini mungkin berkaitan dengan sesuatu hutang ataupun pelaksanaan sesuatu tugas. Ini bererti pihak bank akan bertanggungjawab untuk menyelesaikan sebarang hutang atau kerugian kepada pihak ketiga jika pelanggannya gagal memenuhi janji yang telah dibuat. Jaminan ini berdasarkan prinsip *al-Kafālah*. Antara surat jaminan yang dikeluarkan ialah surat jaminan tender, jaminan prestasi, jaminan sub kontrak, jaminan deposit sekuriti, bon kastam dan jaminan pengecualian cukai kastam. Pengeluaran surat jaminan adalah berdasarkan permintaan pelanggan dan untuk tempoh-tempoh tertentu sahaja. Bank mungkin mengkehendaki pelanggan meletakkan sejumlah deposit di bank berlandaskan prinsip *al-Wadī'ah*. Sebagai balasan kepada perkhidmatan yang diberikan, bank akan mengenakan komisen atau belanja-belanja lain kepada pelanggan.³¹⁹ Panduan tentang pengenaan kadar komisen yang dikeluarkan oleh Persatuan Bank-bank Malaysia ialah di antara 0.5 peratus hingga 3 peratus.³²⁰

³¹⁹ Sudin Haron (1996), *op.cit.*, h. 250.

³²⁰ Othman Yong (1993), *op.cit.*.

v) **Pembiayaan Modal Pusingan (*Financing Working Capital*) melalui kontrak *al-Murābahah*³²¹**

Pelanggan akan meminta bank untuk membiayai keperluan modal pusingan untuk membeli stok dan inventori atau barangan-barangan lain yang diperlukan. Pertamanya bank akan membeli atau melantik pelanggan sebagai agen bagi mewakili bank membeli barangan berkenaan dengan menggunakan wang bank. Bank kemudiannya akan menjualkan barangan tersebut kepada pelanggan pada harga yang dipersetujui bersama. Harga tersebut meliputi kos sebenar barangan dan margin keuntungan bank. Pelanggan perlu membayar hutangnya dalam tempoh bertanggung iaitu sama ada 30 hari, 60 hari atau sebagainya sepertimana yang telah dipersetujui bersama.

vi) **Bil Penerimaan Secara Islam (*Islamic Acceptance Bill-IAB*) melalui kontrak *al-Murābahah* dan *Bay' al-Dayn*³²²**

Bil Penerimaan Secara Islam (BPSI) merupakan produk kewangan Islam yang telah diwujudkan untuk menggalakkan perdagangan dengan menggunakan instrumen kewangan Islam. BPSI memberi kemudahan yang serupa dengan penerimaan jurubank (*bankers acceptance*) dan dibentuk dengan menggunakan kontrak *al-Murābahah* dan *Bay' al-Dayn*. Ada dua cara pembiayaan di bawah mekanisme ini iaitu ;

³²¹ Bank Islam Malaysia Berhad (1994), *op.cit.*, h. 42-43.

³²² Nor Mohamed Yacop (1996), *op.cit.*, h. 84-85.

- i- Import dan pembelian domestik yang mana BPSI yang diwujudkan bagi tujuan ini dinamakan BPSI-Pembelian
 - ii- Eksport dan penjualan domestik yang mana BPSI yang diwujudkan bagi tujuan ini dinamakan BPSI-Penjualan
- vii) **Kemudahan Pembiayaan Semula Kredit Eksport (KPSKE) secara Islam (*Islamic Export Credit Refinancing Scheme -IECR*) melalui kontrak *al-Murābahah* dan *Bay' al-Dayn*³²³**

Kemudahan Pembiayaan Semula Kredit Eksport (KPSKE) secara Islam merupakan suatu skim kredit eksport yang menyediakan kemudahan pembiayaan tanpa faedah untuk pengeksport langsung dan pengeksport tidak langsung. (Pengeksport tidak langsung ialah pihak yang membekal bahan-bahan domestik kepada pengeksport) Skim ini dikendalikan oleh BNM bertujuan untuk menggalakkan perkembangan eksport barangan Malaysia ke luar negara. Skim ini berasaskan prinsip *al-Murābahah* dan *Bay' al-Dayn* di mana BNM menyediakan pembiayaan jangka pendek untuk pengeksport melalui bank-bank perdagangan. Terdapat dua jenis kemudahan yang disediakan iaitu ;

i- KPSKE pra hantaran secara Islam

Ia merupakan pembiayaan kepada pengeksport langsung dan tidak langsung untuk pembelian bahan mentah (atau barangan siap bagi

³²³ *Ibid.*, h. 83.

syarikat perdagangan) dengan tujuan eksport. Ia adalah berdasarkan prinsip *al-Murābahah dan Bay' al-Dayn*.

ii- KPSKE pasca hantaran secara Islam

Ia merupakan pembiayaan kepada pengeksport langsung yang mengeksport barangan secara kredit. Ia adalah berdasarkan prinsip *Bay' al-Dayn*.

2.6.2.5 Pelaburan³²⁴

Bank juga boleh menggunakan deposit simpanan dan dana pemilik saham dalam beberapa bentuk pelaburan berdasarkan prinsip *al-Musyārahah*. Di antara bentuk-bentuk pelaburan yang dilaksanakan oleh bank adalah seperti berikut :

- i- Menubuhkan anak-anak syarikat milik penuh
- ii- Membeli ekuiti pemilik saham syarikat-syarikat '*unquoted*'
- iii- Membeli syer syarikat-syarikat awam yang '*quoted*' di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) untuk pelaburan jangka panjang
- iv- Pelaburan portfolio dalam syer syarikat-syarikat awam '*quoted*' di BSKL

Pelaburan ini dikendalikan oleh anak syarikat BIMB, al-Wakalah Nominees Sdn.Bhd. yang juga mengendalikan pelaburan portfolio pelanggan-pelanggan bank.

³²⁴ Bank Islam Malaysia Berhad (1994), *op.cit.*, h. 44-45.

2.6.2.6 Tugas Jabatan Khazanah

Jabatan Khazanah mengendalikan pengurusan dana jangka pendek bank, perdagangan pertukaran asing dan operasi pasaran wang.

2.7 Cabaran dan Prospek

Dari awal penubuhannya sehinggalah ke hari ini, BIMB telah menempuh pelbagai cabaran dan dugaan. Namun, berkat dari sokongan pemegang-pemegang saham utamanya, khususnya Lembaga Tabung Haji dan Permodalan Nasional Berhad, prestasi dan reputasi yang baik serta sokongan orang ramai, BIMB yakin bahawa ia akan terus meneraju sektor perbankan Islam dengan semangat serta keazaman yang sama seperti ia mula beroperasi pada tahun 1983.³²⁵

Di antara cabaran yang dihadapi BIMB adalah seperti berikut :

i- Terdapat segolongan umat Islam yang meragui keupayaan bank Islam berkembang di Malaysia kerana Malaysia bukan merupakan negara Islam dan tidak mengamalkan perundangan Islam.³²⁶ Golongan ini berpendapat bahawa proses islamisasi patut bermula dengan proses mengislamkan negara terlebih dahulu. Ini kerana negara yang tidak mengamalkan perundangan Islam akan menyekat pelaksanaan hukum syariah di kalangan umat Islam. Status Agama Islam sebagai

³²⁵ Bank Islam Malaysia Berhad (1999), *op.cit.*, h. 15.

³²⁶ Zakariya Man (1988), *op.cit.*, h. 90.

agama rasmi negara seperti yang tercatat dalam Artikel 3 Perundangan Persekutuan bukan bererti Islam menjadi satu sistem hidup sedangkan prinsip syariah merangkumi semua aspek kehidupan seperti ekonomi, politik, perundangan, sosial dan budaya. Dalam perundangan negara juga terdapat bahagian-bahagian tertentu yang menghadkan pelaksanaan undang-undang syariah seperti dalam Section 3 (1) dan 5.³²⁷

Walaupun bagaimanapun, pendapat golongan tersebut tidak dapat diterima kerana penubuhan BIMB di Malaysia hari ini adalah merupakan kepada penerusan kepada usaha pergerakan umat Islam di negara-negara timur tengah untuk menubuhkan bank Islam yang moden. Di Malaysia sendiri, penubuhan bank Islam telah mendapat sokongan padu daripada kerajaan. Tambahan pula, jika umat Islam hendak menunggu Malaysia menjadi negara Islam dan semua umat Islam faham tentang Islam sepenuhnya barulah hendak diwujudkan bank Islam, tentulah ia hanya akan melewati dan menggagalkan terus usaha menerapkan nilai-nilai Islam dalam sistem ekonomi negara.

Kini terbukti dengan penubuhan bank Islam telah membangkitkan kesedaran ramai umat Islam untuk menyelami kembali agama mereka. Kewujudan institusi insurans Islam juga telah lahir hasil dari penubuhan bank Islam. Dengan kewujudan bank dan insurans Islam, telah wujud satu momentum yang boleh membuatkan peruntukan

³²⁷ Ahmad Ibrahim (1985), "Legal Impediments in the Islamization of the Malaysian Economy with Special Reference to Banking and Insurance" (Kertas Kerja Seminar On Issues in Islamic Economics di Universiti Islam Antarabangsa, 27-29 Disember 1985)

perundangan yang bertentangan dengan prinsip-prinsip syariah dikaji dan diperbaiki semula.

ii- Cabaran ke dua yang dihadapi oleh BIMB ialah satu isu yang ditimbulkan berkenaan dengan pergantungan BIMB yang berlebihan terhadap operasi teknik cara kedua (*the second line technique of operation*)³²⁸ seperti *Al-Bay' bi-Thaman Ājil* dan *Ijārah* dalam penggunaan dana (pembiayaan). Sesetengah golongan berpendapat cara tersebut tiada bezanya dengan sistem faedah atau bunga yang dikenakan oleh bank-bank konvensional. BIMB dituduh hanya mementingkan keuntungan dan mengabaikan tanggung jawab kebajikan dalam operasinya. Pendapat ini tidak boleh diterima kerana mereka menyamakan bank dengan baitulmal atau badan kebajikan sedangkan hakikatnya tidak. BIMB adalah merupakan sektor komersil dan bukan sektor awam atau badan kebajikan.³²⁹

Oleh yang demikian , BIMB terpaksa memikirkan tanggung jawabnya untuk melindungi kepentingan penabung-penabung dan pemegang-pemegang saham dengan mengekalkan kadar pulangan yang berpatutan/baik di atas pelaburan mereka. Namun, BIMB tidak boleh mengabaikan operasi teknik cara pertama (*the first line technique of operation*) dalam operasinya demi untuk mencari keuntungan semata-mata.³³⁰

³²⁸ *'The first line technique of operations'* atau operasi teknik cara kedua seperti konsep *al-mudārabah* dan *al-musyārahah* adalah merupakan cara pembiayaan yang mendapat sokongan sepenuhnya daripada para cendekiawan Islam kerana dalil pensyariatannya terdapat dalam *al-Qur'an*. Sila lihat surah al-Nisā' (4) : 12 dan surah al-Muzzammil (73) : 20.

³²⁹ Abdul Halim Ismail, "Islamic Banking in Malaysia : Some Issues, Problems and Prospects" (Kertas Kerja Seminar on Issues in Islamic Economics, 27-29 Disember 1985).

³³⁰ Perbincangan berkenaan permasalahan ini akan dilanjutkan dalam bab 4 nanti.

iii- Di antara tahun 1983 sehingga bulan Mac 1993, BIMB menikmati status monopoli perbankan Islam di Malaysia³³¹ dan tidak dicabar oleh mana-mana institusi perbankan yang lain. Namun, dengan pelancaran Skim Perbankan Tanpa Faedah atau Skim Perbankan Islam (SPI) oleh kerajaan yang melibatkan institusi kewangan konvensional menawarkan kemudahan perbankan Islam telah menamatkan monopoli BIMB dalam sistem perbankan Islam.

Persaingan yang wujud di antara BIMB dan SPI yang dikendalikan oleh bank-bank konvensional adalah dari segi perkhidmatan perbankan Islam yang ditawarkan hanyalah sebagai suatu pertambahan kepada kepelbagaian perkhidmatan yang sedang ditawarkan oleh bank-bank konvensional tersebut. Manakala BIMB tidak boleh menawarkan perkhidmatan seperti yang ditawarkan oleh bank-bank konvensional kerana perkhidmatan tersebut tidak berlandaskan prinsip-prinsip syariah.³³² Bank-bank konvensional ini juga mempunyai asas maklumat pelanggan yang begitu banyak dan maklumat ini boleh digunakan oleh bahagian SPI. Ini merupakan aset atau kelebihan yang tiada pada BIMB.³³³ Oleh itu, BIMB perlu berusaha keras untuk memasarkan produk dan perkhidmatan perbankan Islam supaya dapat bersaing dengan bank-bank konvensional yang menawarkan kemudahan yang sama.

³³¹ Cheah Kooi Guan dan Loke Yiing Jia (2000), *op.cit.*, h. 140.

³³² *Ibid.*

³³³ *Ibid.*

iv- Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) telah memulakan operasinya pada 1 Oktober 1999 sebagai bank Islam kedua di Malaysia.³³⁴ Penubuhannya adalah hasil dari penggabungan Bank Bumiputera Malaysia Berhad (BBMB) dan Bank Of Commerce (M) Berhad (BOC). Sebenarnya BMMB wujud hasil dari penggabungan dana BBMB, BOC dan BBMB Kewangan Berhad (BBMBK). Ia mempunyai 1009 orang kakitangan dan beroperasi di 40 cawangan seluruh negara. Modal berbayar BMMB adalah sebanyak RM 300 juta.³³⁵

Kerajaan menubuhkan bank Islam kedua ini adalah untuk melengkapkan usaha BIMB untuk memajukan sektor perbankan Islam di Malaysia. Ia juga diharap akan dapat mewujudkan persekitaran persaingan yang sihat sebagai pemangkin kepada produktiviti dan perkembangan sektor perbankan Islam.³³⁶

v- Arahan Bank Negara Malaysia supaya institusi perbankan tempatan bergabung bagi mewujudkan enam institusi perbankan utama (*anchor bank*)³³⁷ mempunyai beberapa implikasi kepada BIMB dan sektor perbankan Islam.

³³⁴ Penubuhan bank Islam kedua di Malaysia ini merupakan salah satu strategi kerajaan untuk menggalakkan persaingan dan inovasi di kalangan peserta dalam sistem perbankan Islam. Kerajaan berpendapat persaingan adalah perlu dan penting bagi mendorong inovasi, produktiviti dan pembaharuan dalam menawarkan perkhidmatan perbankan Islam yang berkualiti dan cekap. Bank Negara Malaysia (1999), *op. cit.*, h. 512.

³³⁵ *Ibid.*, h. 251.

³³⁶ Bank Islam Malaysia Berhad (1999), *op. cit.*

³³⁷ Penggabungan pertama bank adalah di antara DCB Bank Berhad dan Kwong Yik Bank berhad dalam tahun 1997 yang melahirkan RHB Bank Berhad. Penggabungan kedua juga berlaku pada tahun yang sama di antara Chung Khiaw Bank Berhad dan United Overseas Bank (M) Berhad. Malangnya, proses penggabungan dalam industri bank perdagangan masih terlalu lembab dan mengecewakan sepanjang tempoh tersebut. Walau bagaimanapun, krisis kewangan dalam tahun 1997-98 telah memberi daya tolakan yang diperlukan oleh industri bank perdagangan untuk bergabung dan pada bulan Jun 1999, RHB Bank Berhad telah menyerap Sime Bank Berhad. Manakala Bank of Commerce bergabung dengan Bank Bumiputera Malaysia Berhad pada bulan Oktober 1999. Bank Negara Malaysia (1999), *op. cit.*, h. 439-441.

Komitmen pihak kerajaan kepada kemajuan sistem kewangan Islam di Malaysia terbukti apabila BIMB tidak termasuk dalam senarai institusi yang diarah bergabung. Sebagai peneraju sistem perbankan Islam dengan pelanggannya yang tersendiri, serta kekuatan dan pengalaman operasi selama 16 tahun, BIMB yakin akan memainkan peranan yang lebih besar dalam suasana perniagaan yang lebih mencabar.³³⁸

Secara amnya, BIMB mempunyai peluang dan prospek untuk mara dan lebih maju ke hadapan. Namun, ia bergantung kepada kecekapan BIMB dalam menguruskan kecairan serta persaingan yang semakin sengit khususnya ekoran liberalisasi yang semakin bertambah atas sektor kewangan. Amalan koresponsifan BIMB dalam bertindak terhadap perubahan dan permintaan pasaran akan menentukan sejauh mana ia dapat berkembang selari dengan perbankan konvensional.

Malaysia memberikan sumbangan terbesar dalam bidang perbankan Islam apabila ia memperkenalkan kepada dunia satu cara sistem perbankan Islam yang unik iaitu *dual system of banking* di mana satu sistem perbankan Islam yang sempurna beroperasi di samping sistem perbankan konvensional. Dalam model yang diperkenalkan ini, prasarana perbankan yang sedia ada digunakan untuk menawarkan kemudahan perbankan Islam di samping menawarkan kemudahan perbankan konvensional.³³⁹

³³⁸ Bank Islam Malaysia Berhad (1999), *op.cit.*.

³³⁹ Nor Mohamed Yakcop (1996), *op.cit.*, h. 73.

Di antara kebaikan *dual system of banking* yang diamalkan di Malaysia adalah seperti berikut :³⁴⁰

i- Bank-bank Islam terpaksa mencari jalan untuk menawarkan kemudahan-kemudahan yang sama (secara prinsip Islam) seperti yang ditawarkan oleh bank-bank konvensional. Jika tidak, pelanggan akan kembali kepada bank-bank konvensional. Meskipun ada di antara pelanggan yang beragama Islam tetap tidak akan berpindah dari menggunakan perkhidmatan bank-bank Islam tetapi mereka akan mengadu secara tegas di atas ketidakcekapan bank-bank Islam jika dibandingkan dengan bank-bank konvensional. Oleh itu, bank-bank Islam akan sentiasa beroperasi dalam keadaan yang dinamis disebabkan persaingan yang sengit daripada bank-bank konvensional.

ii- Dalam *dual system of banking* produk-produk perbankan Islam yang ditawarkan mempunyai tahap kecanggihan yang tinggi kerana mereka terpaksa bersaing dengan produk yang ditawarkan oleh bank-bank konvensional. Dalam sistem kewangan antarabangsa, inovasi merupakan satu *trend* yang mana produk baru wujud secara berterusan dan *trend* ini menular ke dalam sistem perbankan konvensional domestik. Dengan ini, bank-bank Islam tidak mempunyai pilihan melainkan mencipta produk-produk yang sama canggih tetapi berasaskan kepada konsep dan prinsip syariah.

³⁴⁰ *Ibid.*, h. 72-73.

BIMB menyedari keadaan ini khususnya dalam menongkah arus pembangunan sektor kewangan negara terutamanya yang berkaitan dengan penggunaan teknologi maklumat dalam urusan perbankan telah memperkenalkan Program Pembangunan Sistem Pengurusan Maklumat (MIS). Program ini bertujuan untuk memberi pendekatan bersepadu khususnya dalam membekal teknologi komputer terkini dalam bentuk perisian, *system software*, *applications software*, kelengkapan rangkaian komunikasi dan servis sokongan bagi mencapai matlamat serta misi korporat bank.³⁴¹

Program Pembangunan MIS ini dilancarkan pada September 1997 dan ianya menggantikan sistem komputer yang sedia ada dengan persekitaran teknologi dan kemampuan pengurusan yang setanding dengan badan-badan kewangan yang menawarkan perkhidmatan perbankan *on-line real time* (rangkaian terus bersepadu) di Malaysia. BIMB telah memperuntukkan RM 100 juta untuk program pembangunan tersebut.³⁴²

Pada tahun 2002, BIMB telah menyediakan perkhidmatan perbankan elektronik kepada beberapa agensi kerajaan dan spara-kerajaan, pihak berkuasa tempatan, majlis perbandaran, institusi pendidikan tinggi dan syarikat amanah. Saluran rangkaian perkhidmatan perbankan elektronik BIMB yang sedia ada termasuklah mesin-mesin ATM, Deposit Tunai, Terminal Cek Ekspres, Sistem Pembayaran, Sistem Pembayaran Bil (kutipan) dan Perbankan *Desktop* Korporat.³⁴³

³⁴¹ Bank Islam Malaysia Berhad (1997), *op.cit.*, h.18.

³⁴² *Ibid.*

³⁴³ BIMB Holdings Berhad (2002), *op.cit.*, h. 27.

BIMB juga memperluaskan saluran perkhidmatan perbankan elektroniknya dengan pengenalan perkhidmatan perbankan internet kepada orang ramai. Pada peringkat permulaan, saluran perkhidmatan web ini akan menyediakan perkhidmatan internet pengguna dan akan diperluaskan kepada perkhidmatan perbankan *desktop* korporat pada tahun 2003. Saluran perkhidmatan perbankan internet ini bertujuan membantu BIMB memperbaiki serta mengurus aspek perhubungan, perkhidmatan serta kesetiaan pelanggan. Justeru itu, kelengkapan pengurusan berteraskan pelanggan ini akan dapat membantu BIMB memfokus kepada pemasaran tertumpu dan membantu para pelanggan mengurus kewangan mereka sendiri.³⁴⁴

BIMB juga telah memperkenalkan Kad Bank Islam (KBI) iaitu kemudahan kad 'kredit' tanpa faedah Islam yang menerapkan ciri-ciri keselamatan yang tinggi. KBI ini telah menerima beberapa anugerah peringkat antarabangsa merupakan kad kredit pertama di Malaysia yang menggunakan teknologi cip kad pintar. BIMB juga bercadang untuk menambah beberapa ciri tambah-nilai pada KBI seperti perkhidmatan bayaran melalui beberapa aplikasi tambahan seperti Kad Debit dan e-Purse pada masa hadapan.³⁴⁵

Tahun 2002 merupakan tahun yang signifikan bagi industri perbankan Islam dan takaful. Aset perbankan Islam meningkat 25.2 peratus kepada RM 58.9 bilion. Pencapaian ini mewakili 8.2 peratus aset keseluruhan sistem perbankan pada Disember 2001 iaitu peningkatan daripada 6.9 peratus yang dicapai pada tahun

³⁴⁴ *Ibid.*

³⁴⁵ *Ibid.*, h. 26.

sebelumnya. Perkembangan signifikan turut dicatatkan dari segi keberuntungan yang mana keuntungan sebelum cukai meningkat 69.9 peratus kepada RM 905.9 juta.³⁴⁶

Bank Negara Malaysia dengan kerjasama Persatuan Institusi Perbankan Islam Malaysia (AIBIM) dan institusi-institusi perbankan Islam dan takaful buat julung-julung kalinya telah berjaya menganjurkan Minggu Perbankan Islam dan Takaful pada tahun 2001. Suruhanjaya Sekuriti pula turut menganjurkan Minggu Pasaran Modal Islam pada tahun 2002. Kedua-dua inisiatif ini yang menyaksikan penganjuran beberapa persidangan antarabangsa, seminar, forum, pameran dan rancangan televisyen telah berjaya meningkatkan kesedaran dan sokongan orang ramai terhadap industri perbankan Islam dan takaful serta pasaran modal.³⁴⁷

BIMB juga menjalankan aktiviti sosialnya yang tersendiri seperti yang dilaporkan dalam penyata tahunan 1993. BIMB pernah menawarkan bantuan teknikal kepada bank Islam di Indonesia. Sebuah bank di Brunei yang ingin menukar operasinya dari sistem konvensional kepada sistem Islam juga telah dibantu oleh BIMB. BIMB juga telah mewujudkan kerjasama dengan Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YAPEIM) dan Amanah Ikhtiar Malaysia di dalam mengeluarkan pinjaman tanpa faedah atau pinjaman kebajikan (*Qard al-Hasan*). BIMB juga sentiasa menjalankan aktiviti amalnya seperti gotong royong, mengadakan jamuan makan dan derma kepada anak-anak yatim melalui persatuan kakitangannya.³⁴⁸

³⁴⁶ *Ibid.*, h. 25.

³⁴⁷ *Ibid.*

³⁴⁸ Sudin Haron (1996), *op.cit.*, h. 129.

2.8 Kesimpulan

BIMB telah menjadi permulaan kepada perkembangan sistem bank, kewangan dan ekonomi Islam di negara ini. Hari ini didapati BIMB telah dapat menyaingi sedikit sebanyak bank-bank konvensional dengan mengemukakan alat-alat kewangan yang setanding dengan apa yang ditawarkan oleh bank-bank konvensional tersebut.

Penubuhan BIMB di samping bank-bank konvensional dan institusi-institusi kewangan lain yang tetap tebal dengan konsep dan amalan riba di dalam semua aspek pengurusan kewangan dan aktivitinya adalah bentuk yang paling realistik dan sesuai untuk dilaksanakan di Malaysia.

Sistem ekonomi dunia hari ini hampir sepenuhnya bergantung kepada unsur riba. BIMB dan institusi-institusi SPI yang lain merupakan sebahagian penting corak kehidupan Islam yang cuba diterapkan oleh kerajaan. Jika nilai-nilai moral seperti kejujuran, kerajinan kerja dan kepercayaan kepada Allah, pematuhan terhadap ajaran al-Quran dan al-Sunnah, amalan-amalan Islam dari segi politik, sosial dan ekonomi wujud dalam sesebuah masyarakat, BIMB boleh memainkan peranan dengan sepenuhnya sebagai sebuah bank Islam yang menjadi alternatif kepada bank-bank konvensional yang menjalankan operasinya berdasarkan unsur-unsur riba yang ditegah oleh Islam.

Bab seterusnya akan meninjau mengenai pelaksanaan kontrak pembiayaan hutang di BIMB. Modus pembiayaan atau *modes of financing* bagi setiap kontrak pembiayaan

hutang yang terdapat di BIMB akan ditonjolkan bagi dinilai sama ada ia dijalankan mengikut kehendak syariah atau sebaliknya.